



Government officials will never ask you to transfer money or disclose bank log-in details over a phone call.
Call the 24/7 ScamShield Helpline at 1799 if you are unsure if something is a scam.

[Home](#) > [Newspaper Catalogue](#) > [Berita Harian](#) > [1959](#) > [October](#) > [21](#) > [Page 1](#) > SELANGOR BUKA TANAH



SELANGOR BUKA TANAH

Berita Harian, 21 October 1959, Page 1

Share    

 Save Citation

[<<](#) [Previous Article](#) [Next Article](#) [>>](#)

SELANGOR BUKA TANAH

*Perengkat
permulaan
menelan
\$400 ribu*

 22,000 ekar untok keluarga2 miskin tahun hadapan

 KUALA LUMPUR,
Thalatha

 KERAJAAN Selangor telah
menguntokkan 22,000 ekar
untok melaksanakan ranchangan
kemajuan tanah-nya sendiri.

 Tingkat pertama dari ranchangan itu



untuk membuka 8,000 ekar tanah — 6,000 ekar untuk di-tanami getah dan 2,000 ekar lagi untuk perkampungan — akan di-mulai pada awal tahun hadapan.

Sa-ribu orang keluarga yang tidak memi-lekki tanah akan berpeluang mempunyai tanah mereka sendiri menurut rancangan tingkat per-tama itu.



Tiap2 keluarga akan mendapat enam ekar tanah untuk di-tanami getah dan dua ekar la-gi untuk mendirikan rumah.

Kerajaan Negeri sekarang sedang menyusun perun-tokan2 tanah itu yang ke-lak terbahagi kepada ke-luarga2 Melayu, China dan India.

Menteri Besar, Inche Abu Bakar bin Baginda memberi tahu Berita Ha-rian hari ini:

"Hanya ra'ayat Perseku-tuan yang tidak memilekki tanah dan yang tinggal di-Selangor sahaja atau ra'ayat Negeri, akan ber-hak menerima peruntokan2 itu."



Hari akhir

Mereka boleh memohon-skan tanah2 itu melalul pegawai2 daerah masing2

Hari yang terakhir un-tok mereka membuat per-mohonan itu ia-lah 31 De-seMBER, tahun 1959.



Permohonan2 ini akan di-pertimbang oleh badan2 pemilehan daerah yang telah di-dirikan oleh Ke-rajaan baharu2 ini

Orang2 yang terpilih akan memulakan pekerjaan mereka dalam bulan Feb-

ruari tahun hadapan



Kawasan2 yang di-pilih untuk rancangan itu ia-lah di-Labu (Kuala La-ngat), Sungai Selisek, Tan-jong Blanga dan Sungai Sabai (Ulu Selangor. Su-ngai Tekali dan Sungai

Merab (Olu Langat).

Bantuan wang

Untuk tingkat pertama dari ranchangan ini, Kerajaan telah menguntokkan wang sa-jumlah \$400.000.

Menteri Besar itu berkata bahawa Kerajaan akan memberi bantuan wang kepada petani2 itu untuk menanam pokok2 getah.

Bantuan alat2 dan bahan2 akan di-beri kepada mereka untuk mendirikan rumah. demikian juga be-neh2 getah.

Mereka juga akan di-beri biaya \$50 sa-bulan untuk tahun pertama dan tahun kedua. Tetapi mereka akan di-wajibkan membayar kembali bantuan2 ini bila mereka mampu berbuat demikian.



NLB

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#)

©2025 Government of Singapore
Last Updated 2023-01-31